

11 AUG 1999

Ibrahim-Laporan

UMNO BUAT LAPORAN POLIS TERHADAP KOPERASI

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Jawatankuasa Petugas Menangani Fitnah Majlis Tertinggi Umno hari ini membuat laporan polis berhubung satu risalah mengenai Koperasi Siswazah Berhad (Kosis) yang didakwa mengehadkan keanggotaan hanya kepada anggota PAS.

Pengerusi jawatankuasa itu Senator Datuk Ibrahim Ali berkata laporan itu dibuat supaya satu siasatan terperinci dibuat untuk mengetahui sama ada Kosis benar-benar menjalankan pelaburan secara Islam (Al-Mudharabah) seperti yang didakwa dalam risalah itu.

"Kita juga ingin tahu sama ada pihak bertanggungjawab seperti Jabatan Koperasi memberikan kelulusan bagi mengehadkan keanggotaan Kosis kepada anggota PAS sahaja," katanya pada satu persidangan berita di sini.

Ibrahim, yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata laporan itu dibuat oleh ketua urusetia jawatankuasa itu Zawawi Mohamed Zin di Balai Polis Gombak tengah hari ini.

Menurut salinan risalah yang diedarkan kepada pemberita, keanggotaan Kosis terbuka kepada semua siswazah Muslim yang lulus sekurang-kurangnya peringkat diploma dan antara syarat mereka yang ingin melabur dalam apa yang dipanggil Skim Mudharabah Bestari ialah perlu menjadi anggota Kosis dan parti PAS.

Beberapa syarat tambahan dikenakan kepada pelabur bukan anggota tetapi golongan ini juga tetap disyaratkan menjadi anggota PAS.

Ibrahim berkata satu lagi laporan polis dibuat 6 Ogos lalu di Balai Polis Daerah Sentul mengenai kandungan wawancara khas akhbar tabloid WARTA KL dengan Ketua Pemuda PAS Mahfuz Omar bertajuk "Zalim & kerakusan kuasa - Mahfuz" yang tersiar pada 3 Jun 1999.

Menurut salinan laporan yang dibuat oleh Ketua Unit Percetakan dan Penerbitan jawatankuasa terbabit Mohd Tajuddin Tambi Abdul Wahid, wawancara itu, antara lain, mengecam kerajaan kerana dikatakan memutarbelitkan isu Malaysian Malaysia.

Laporan itu juga menyatakan wawancara berkenaan dengan terang menuduh kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bertindak zalim memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan secara berleluasa mencabuli institusi kehakiman, Jabatan Peguam Negara polis dan hak asasi manusia.

-- BERNAMA

MAM MAI